

Warta Penerangan

Bil 4 April 2008

Edisi Keempat
2008



2nd Information Department – BELTA Oratory Competition 2008

Tetamu kehormat, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki ketika berucap merasmikan Pertandingan Pidato pada hari itu (atas). Para pemenang dan peserta peringkat akhir pertandingan merakamkan gambar kenangan bersama Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Yang Dipertua BELTA, Dayang Haji Aishah binti Haji Muhd. Husain (kanan).



Jabatan Penerangan dan Persatuan Guru-Guru Bahasa Inggeris Negara Brunei Darussalam (BELTA) telah menganjurkan 2nd Information Department - BELTA Oratory Competition 2008. Peringkat akhir pertandingan tersebut diadakan pada 28 April di Manggis Mall, Jalan Muara. Tetamu kehormat di majlis itu ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam ucapannya, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki antara lain menyatakan rasa gembira atas penganjuran pertandingan seumpama itu sebagai satu cara membentuk generasi muda yang boleh berfikir dan memiliki ilmu pengetahuan. Pengucapan awam, katanya, adalah satu bidang yang mencabar tetapi menjanjikan kemajuan dan kejayaan terhadap kerjaya jika seseorang itu telah dapat menguasainya.

Seramai lapan orang bertanding di peringkat akhir. Mereka telah mengalahkan 23 peserta lain di peringkat saringan yang telah diadakan di Sekolah

Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong pada 7 Mac. Seperti mana tahun lalu, para peserta peringkat akhir menyampaikan hujah-hujah berdasarkan tajuk-tajuk yang disediakan oleh pihak penganjur secara undian.

Awangku Mohd. Fadhl bin Pengiran Haji Ali dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan muncul sebagai johan dengan membawakan pidatonya bertajuk 'My Life As A Bruneian Youth In The 21st Century'. Beliau menerima Piala Rebutan sumbangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, piala iringan, wang tunai B\$200.00, sijil penyertaan dan hadiah buku tajaan British Council dan Macmillan Publishers.

Naib johan disandang oleh Dayang Nikita Ashok Ramchandani dari Sekolah St. Georges dengan pidatonya 'Should Youths In Brunei Go Through The National Service?'. Pemenang tempat ketiga pula ialah Dayang Chong Jia Yi dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali melalui pidatonya 'Brunei Darussalam: 24 Years of Racial and Cultural Harmony'.

Mutu persembahan para peserta kali ini menunjukkan peningkatan dan persaingan yang ketara berbanding pada tahun lepas. Jemaah hakim berpendapat hujah yang disampaikan menunjukkan tahap penyelidikan dan kajian yang terarah dan mendalam, sekali gus membayangkan bahawa para peserta telah membuat persiapan secukupnya.

Pertandingan pada tahun ini diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24.

Berita sumbangan
Awang Azman bin Haji Abdul Rahim
Pegawai Penerangan selaku
Ketua Bahagian Pameran

Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Mahrub bin Haji Murni
Haji Yussof bin Haji Ladi

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajjiah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Sekapur Sirih

Kita sudah memasuki bulan keempat tahun 2008. Penglibatan jabatan dalam berbagai kegiatan dalam semua aspek terus berjalan dengan lancar sekali, sama ada aktiviti tersebut ke arah meningkatkan dan mengembangkan lagi usaha jabatan mahupun aktiviti di kalangan warga Penerangan sendiri. Semuanya mempamerkan betapa kerja bersungguh-sungguh semua warga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan akan membuahkan hasil yang ingin dicapai.

Pada bulan ini, projek '2nd Information Department – BELTA Oratory Competition 2008' telah dilaksanakan. Projek yang diusahakan oleh jabatan dengan Persatuan Guru-Guru Bahasa Inggeris Negara Brunei Darussalam (BELTA) menunjukkan betapa kerjasama yang erat telah dapat memastikan kejayaan projek ini. Sementara itu sempena ulang tahun penubuhan Jabatan Penerangan ke-56 tahun, Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dilancarkan. Program ini merupakan satu lagi inisiatif ke arah usaha jabatan dalam melibatkan remaja antara lain dalam berbagai kegiatan di samping menanam semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial.

Di dalam kesibukan itu, kegiatan untuk warga Penerangan juga diadakan antaranya ialah Majlis Sambutan Maulidur Rasul dan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan Penerangan. Aktiviti seumpama ini diharapkan akan diteruskan kerana ia membuka peluang kepada semua pegawai dan kakitangan mengembangkan bakat masing-masing di bidang fotografi.

Wassalam.

Haji Mahrub bin Haji Murni
Pengarah Penerangan

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382 012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Isi Kandungan

- Pelancaran Program RRP
Sempena 56 Tahun Jabatan Penerangan **3**
- Majlis Sambutan Maulidur Rasul
Jabatan Penerangan **4**
- Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan
Penerangan **5**
- Guru-guru Sekolah Arab Jerudong lawat
Jabatan Penerangan **6**
- Pertukaran Ketua Bahagian dan Cawangan
- MRO bertugas di bulan April
- Kegiatan sukan setiap Sabtu diteruskan **7**
- Sesi Latihan Fotografi
- Selamat Hari Lahir **8**

Pelancaran Program RRP Sempena 56 Tahun Jabatan Penerangan



Pengerusi Majlis, Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman ketika berucap sejeurus sebelum pelancaran Program RRP pada hari itu.



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi; para pegawai, jemputan dan penuntut ketika hadir di Majlis Pelancaran Program RRP sempena 56 tahun penubuhan Jabatan Penerangan (atas).



Sebahagian para penuntut ketika menyanyikan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan.



Pemangku Pengarah Penerangan ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz RRP.



Seorang juruacara ketika mengemukakan soalan Kuiz RRP kepada dua orang penuntut.



Adegan sketsa drama yang dilakukan semasa majlis pelancaran tersebut.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melancarkan satu program baru yang dikenali sebagai Rakan Remaja Penerangan (RRP) pada 1 April 2008 sempena ulang tahun penubuhan jabatan yang ke-56.

Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 yang pada masa itu dikenali Bahagian Penerangan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Program RRP merupakan satu program khusus untuk golongan remaja terutamanya yang berada di sekolah. Program RRP adalah satu pakej (package) yang merangkumi taklimat dan perbincangan, bacaan puisi, sketsa drama, lawak jenaka, kuiz RRP dan mini pameran.

Program ini akan dipersembahkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara mengikut jadual yang

akan ditentukan oleh sekolah-sekolah berkenaan.

Objektif program ini adalah:

- Untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka terhadap perkembangan semasa.
- Untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja.
- Untuk melibatkan para remaja di sekolah-sekolah sebagai rakan atau ejen penyebaran maklumat yang positif kepada rakan-rakan sebaya.

Program ini dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub

bin Haji Murni di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Di majlis pelancaran tersebut, pengenalan dan penerangan mengenai RRP disampaikan dan seterusnya menerima maklum balas dari para jemputan yang terdiri daripada pengetua-petgetua sekolah dan Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Program RRP ini adalah di bawah kelolaan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Berita sumbangan:
Jawatankuasa Kerja RRP
Bahagian Kenegaraan dan
Kemasyarakatan

Perbincangan Falsafah Melayu Islam Beraja

Sesi perbincangan mengenai Falsafah Melayu Islam Beraja bersama Dato Paduka Haji Sumadi bin Sukaimi telah diadakan di Jabatan Penerangan pada 12 April. Sesi ini dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan jabatan.



Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika mendengar ceramah khas yang disampaikan oleh Ustaz Haji Saharuddin bin Haji Petra.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Jabatan Penerangan

Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi tahun 1429H/2008M telah diadakan pada 26 Rabiulakhir 1429 bersamaan 3 April bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin, diikuti dengan ucapan aluan oleh Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman, Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan selaku Pengerusi Majlis.

Ceramah Khas Maulidur Rasul telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Sekolah Menengah Arab

Laki-Laki Hassanal Bolkih, Ustaz Haji Saharuddin bin Haji Petra. Beliau antara lain menyentuh mengenai penghayatan terhadap pengorbanan dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan syiar Islam untuk dijadikan panduan dan iktibar, di samping mengamalkan sunnah-sunnah Baginda dalam kehidupan seharian. Selain itu penghayatan terhadap ajaran Islam dengan menjadikan Al-Qur'an dan Sunnah sebagai pegangan akan membawa kebahagiaan dan kejayaan hidup dunia dan akhirat.

Majlis sambutan itu juga diserikan dengan persembahan Dikir Asyarakal oleh Pasukan Dikir Jabatan Penerangan.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni selaku tetamu kehormat, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dari keempat-empat daerah.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan dan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Berita sumbangan:
Bahagian Kenegaraan dan
Kemasyarakatan



Pasukan Dikir Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan ketika mempersembahkan Dikir Asyarakal.

Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan Penerangan

Inisiatif yang diungkuhkan oleh Bahagian Fotografi dan Audio Visual melalui Peraduan Fotografi Bulanan (Januari – Disember 2007) untuk memilih Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan Penerangan haruslah dicontohi oleh bahagian-bahagian lain sebagai salah satu usaha positif untuk meningkatkan kualiti dan mutu kerja setiap individu dalam jabatan.

Perkara ini ditekankan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni selaku tetamu kehormat ketika berucap sejeurus sebelum Majlis Penyampaian Hadiah peraduan tersebut yang diadakan pada 10 April di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Ampuan Haji Mahmood bin Ampuan Haji Tengah telah memenangi peraduan itu dengan markah terkumpul 89 mata.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Haji Masmaleh bin Haji Mohd. Ali (64 mata), Ak. Amirul Nizam bin Pg. Haji Mohd Ali di tempat ketiga juga 64 mata dan di tempat keempat, Awang Masri bin Osman dengan markah terkumpul 62 mata.

Ketua Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Pegawai Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Mohd. Yassin berkata, bagi Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009, akan dibukakan kepada semua pegawai dan kakitangan yang berminat menyertainya, mulai bulan April melalui tema yang ditetapkan. Beliau berharap melalui peraduan ini akan dapat mencungkil bakat dan kreativiti para peserta, menambah dan mendalami pengetahuan dan teknik-teknik yang betul dalam pengambilan gambar, di samping sebagai motivasi dan membina diri warga jabatan.

Peraduan tahun 2008 – 2009 dibahagikan kepada dua kategori: kategori jurugambar dan kategori pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub menyampaikan hadiah kepada Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan Penerangan, Ampuan Haji Mahmood bin Ampuan Haji Tengah.



Para pemenang dan peserta Peraduan Jurugambar Terbaik 2007 Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan Ketua Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG MENGIKUTI KURSUS BULAN APRIL

| NAMA | KURSUS | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|------------------------------|------------------|
| ANANG IDRIS BIN RAMLI LATIFAH HAJI MOKTI | KEFAHAMAN AKIDAH | PUSAT DA'WAH ISLAMIAH | 31 MAC – 5 APRIL |
| HJ YUSSOF HJ LADI | INTERNATIONAL EXECUTIVE SHORT COURSE ON GOOD GOVERNANCE | AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND | 7 – 20 APRIL |
| PG IKRAM PG HJ AHMAD HJH MUSMARIANI HJ MUHAMMAD | TASAWUF | PUSAT DA'WAH ISLAMIAH | 14 - 19 APRIL |
| TAMAM HJ GARIB | TASAWUF | PUSAT DA'WAH ISLAMIAH | 21 - 26 APRIL |

KAKITANGAN YANG BARU BERKHIDMAT



Dayang Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman
Jawatan : Pemberita
Tarikh Melapor : 10 April 2008



Dk Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad
Jawatan : Pemberita
Tarikh Melapor : 15 April 2008

Guru-guru Sekolah Arab Jerudong lawat Jabatan Penerangan

Seramai 13 orang guru Sekolah Arab Jerudong telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 30 April. Rombongan tersebut diketuai oleh Cikgu Mohamad Iswandi bin Haji Hamdani, Ketua Hal Ehwal Pelajar sekolah berkenaan.

Semasa mengadakan lawatan, rombongan telah diberikan taklimat mengenai Melayu Islam Beraja (MIB) yang disampaikan oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Perhubungan Awam. Tajuk taklimat tersebut juga adalah sebagai bahan rujukan pengajaran guru-guru sekolah tersebut.

Antara lain kandungan taklimat

berkenaan ialah menyentuh mengenai definisi MIB iaitu falsafah bernegara, cara hidup, identiti bangsa atau negara dan teras pemerintahan yang dilaksanakan. Selain itu, beliau juga mengimbas kembali detik bersejarah pada 1 Januari 1984 Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dalam pembentukan dan pengisytiharan MIB.

MIB juga diterapkan dalam kehidupan individu dan masyarakat, dalam sistem kerajaan, pendidikan dan ekonomi. MIB dalam sistem pendidikan negara berlatarbelakangkan Islam seperti tertubuhnya Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, naskah Al-Qur'an sebagai cokmar Universiti Brunei

Darussalam (UBD) dan penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Manakala dalam sistem ekonomi, MIB juga diterapkan dalam sistem kewangan dan perbankan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (BIDB). Begitu juga dengan sistem insurans dan pajak gadai yang diselaraskan dengan sistem kewangan dan perbankan Islam.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab bersama Pegawai-pegawai Penerangan yang hadir semasa majlis tersebut.

Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Dayang Hajah Noorashidah Haji Aliomar ketika menyampaikan taklimat Melayu Islam Beraja (MIB) kepada rombongan pelawat.



Rombongan pelawat guru-guru Sekolah Arab Jerudong yang diketuai oleh Cikgu Mohamad Iswandi Haji Hamdani bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Pertukaran Ketua Bahagian dan Cawangan

Pada bulan April ini beberapa pertukaran Ketua Bahagian dan Cawangan Jabatan Penerangan telah pun dibuat. Pertukaran tersebut ialah:

- Dayang Ruhil Amal Faridah binti Haji Yahya, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (BHEA) telah ditukarkan untuk mengetuai Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong.
- Awang Md. Khairulhadi bin Haji Md. Mukhtadir, Pegawai Penerangan selaku Ketua Bahagian Penyelidikan & Pusat Sumber (BPPS) telah ditukarkan untuk mengetuai sebuah bahagian baru iaitu Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kapasiti (BPPK).
- Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar, Pegawai Penerangan ditugaskan untuk mengetuai Bahagian Penyelidikan & Pusat Sumber (BPPS).
- Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Pegawai Penerangan ditugaskan untuk mengetuai Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (BHEA).

MRO bertugas di bulan April

Para Pegawai Penyelaras Media (MRO) seperti biasa terlibat dalam acara-acara yang diadakan di peringkat negara bagi memantau, menyelaras dan memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada para wartawan dan jurugambar yang bertugas.

16 April – Majlis Penyerahan Anak-anak Kunci bagi Kampong Mentiri/Rimba yang diadakan di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampong Mentiri.

17 April – Konvokesyen Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

22 April – Keberangkatan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Republik Indonesia di VVIP Lounge, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas.

26 April – Majlis Perasmian Mesyuarat Pejabat Peguam-peguam Negara Brunei Darussalam, Republik Singapura dan Malaysia di Empire Hotel & Country Club, Jerudong.



Sesi senam robik, antara kegiatan sukan setiap Sabtu yang disertai oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



Kegiatan sukan setiap Sabtu diteruskan

Kegiatan sukan yang diadakan setiap hari Sabtu di jabatan ini masih diteruskan. Antara aktiviti yang mendapat sambutan ialah senamrobik. Mulai bulan April, para pegawai dan kakitangan jabatan telah bersepakat untuk mendatangkan instruktur dari pusat senamrobik untuk mengajar teknik senaman yang betul. Kutipan bayaran akan diadakan setiap kali sesi senaman diadakan.

Selain senamrobik, acara seperti badminton juga diadakan. Kegiatan sukan setiap hari Sabtu ini juga mengambil tempat di Cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah.

Sesi Latihan Fotografi



Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Yassin (kiri) menerangkan sesuatu kepada para peserta.



Penyelaras Bengkel Fotografi Digital memberi penerangan semasa sesi bengkel.

Seramai 25 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menyertai Sesi Latihan Fotografi di Taman Peranginan Tasek Lama di ibu negara pada hari Jumaat, 25 April.

Sesi tersebut merupakan sebahagian latihan amali Bengkel Fotografi Digital yang dianjurkan oleh Bahagian Fotografi dan Audio Visual jabatan ini.

Penyelaras Bengkel, Ketua Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Yassin berkata, matlamat bengkel tersebut untuk mendedahkan para peserta mengenai teknik fotografi yang betul, di samping meningkatkan kemahiran dan kreativiti para peserta dalam bidang fotografi.

Melalui pengajaran dan pengalaman yang diperolehi semasa bengkel tersebut juga, diharapkan para peserta akan lebih *multi-tasking* dengan mengaplikasikannya dalam menjalankan tugas masing-masing.

Bengkel Fotografi Digital yang julung-julung kali diadakan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan warga jabatan dan dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama telah memulakan sesinya pada awal bulan April manakala sesi bagi kumpulan kedua akan diadakan pada bulan Jun, demikian menurut Penyelaras Bengkel.

Semasa sesi latihan di Taman Peranginan Tasek Lama pada hari tersebut, para peserta diberikan kebebasan untuk mengambil pelbagai jenis gambar seperti alam semula jadi, potret dan aktiviti-aktiviti para pengunjung yang berada di taman tersebut.

Hasil gambar-gambar yang diambil oleh para peserta kedua-dua kumpulan akan dinilai untuk dipertandingkan.



Antara para peserta ketika berlatih mengambil gambar semasa Sesi Latihan Fotografi di Taman Permainan Tasek Lama.

Selamat Hari Lahir

| | |
|---|----------|
| Awang Haji Mahrub bin Haji Murni | 4 April |
| Ah Chua Bangau | 4 April |
| Dayang Timah binti OKB Haji Ali | 5 April |
| Dayangku Siti Redzaimi binti Pg. Haji Ahmad | 5 April |
| Dayang Mariana binti Jais | 9 April |
| Awang Haji Yussof bin Haji Ladi | 10 April |
| Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor/Morshidi | 10 April |
| Dayang Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman | 10 April |
| Awang Mahmud bin Haji Ibrahim | 11 April |
| Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul Karim | 20 April |
| Awang Abdullah bin Haji Awang Damit | 29 April |